



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَوَالِ اَكَامُ الْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

18 JAMADILAKHIR 1446H / 20 DISEMBER 2024M

“KEWAJIPAN ZAKAT HARTA: TUNAIKAN ZAKAT SEBELUM DIAZAB”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan kerjasama

Pusat Zakat Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّكْعَيْنِ ﴿٤٣﴾ (البقرة: 43)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ
فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya menyeru kepada diri saya dan jemaah sekalian, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya. Tunaikanlah segala suruhan-Nya dan tinggalkanlah larangan-Nya. Semoga Allah SWT meredai hidup kita, bahagia di dunia dan di akhirat. Khutbah pada kali ini akan membicarakan topik ibadah zakat yang bertajuk “**KEWAJIPAN ZAKAT HARTA: TUNAIKAN ZAKAT SEBELUM DIAZAB**”.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Ibadah zakat mula difardhukan pada tahun ke-2 Hijrah dan menjadi salah satu perkara pokok dalam ajaran Islam. Disebutkan sebanyak 58 kali dalam al-Quran, iaitu 32 kali secara bersendirian dan 26 kali secara beriringan dengan kalimah solat. Dalam al-Quran, ia juga disebut dengan

lafaz sedekah, nafkah, haq dan al-Afuw. Kesemua yang disebutkan tadi merujuk kepada rukun Islam yang ketiga iaitu Ibadah Zakat.

Mengeluarkan zakat sama ada zakat fitrah atau zakat harta adalah wajib berdasarkan dalil al-Quran, as-Sunnah dan Ijmak Ulama. Antara contoh dalil al-Quran ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.*

Selain itu, Rasulullah SAW juga ada bersabda yang **maksudnya:** *“Dibina Islam itu atas lima tunggak; Pengakuan tidak ada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad SAW itu hamba dan rasul-Nya, dan mendirikan sembahyang fardhu 5 kali sehari semalam, dan mengeluarkan zakat (harta dan fitrah), dan berpuasa dalam bulan Ramadan dan mengerjakan haji di Baitullah bagi orang yang mampu.”* (HR Bukhari & Muslim)

Daripada dua contoh dalil yang diberikan tadi, para ulama sepakat tentang kewajipan pelaksanaannya. Mengabaikan zakat adalah dosa besar dan dijanjikan balasan azab yang pedih oleh Allah SWT.

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Ketahuilah, Allah SWT memberikan peringatan dan juga ancaman azab kepada sesiapa yang enggan menunaikan kewajipan berzakat. Terdapat dalil-dalil sama ada al-Quran atau hadis yang menceritakan secara jelas dan terperinci tentang balasan azab kepada orang-orang yang sengaja enggan menunaikan zakat harta. Antaranya ialah:

Pertama: Orang yang ingkar kewajipan zakat harta akan diazab dengan keadaan tubuhnya akan dibakar (dipanggang) di dalam Neraka Jahanam

dengan hartanya sendiri yang telah dipanaskan. Dalilnya ada disebutkan dalam surah at-Taubah ayat 34 & 35.

.. وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: "... Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu."

Selain itu, dalam hadis yang lain pula, Rasulullah SAW bersabda;

"Setiap pemilik emas dan perak yang tidak menunaikan zakatnya, akan dibentangkan beberapa kepingan daripada api neraka yang dipanaskan di dalam neraka Jahannam pada hari Kiamat. Kemudian, kepingan tersebut digosok-gosokkan ke dahi dan belakangnya setiap hari, yang bersamaan dengan 50 ribu tahun". (HR Muslim no. 987)

Kedua: Harta yang tidak dikeluarkan zakat akan dikalungkan di leher pada hari kiamat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Imran ayat 180 yang **bermaksud:** "Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang

mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan”.

Ketiga: Harta yang tidak dikeluarkan zakat daripadanya akan hadir pada hari kiamat dalam bentuk seekor ular jantan yang berbisa lalu menggigit pemilik harta yang ingkar mengeluarkan zakat. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Barangsiapa diberi harta oleh Allah, lalu dia tidak menunaikan (kewajiban) zakatnya, pada hari kiamat hartanya dijadikan untuknya menjadi seekor ular jantan aqra’ (yang kulit kepalanya gondol kerana di kepalanya terkumpul banyak racun), yang bertaring di dua sudut mulutnya. Ular itu dikalungkan (di lehernya) pada hari kiamat. Ular itu memegang (atau menggigit tangan pemilik harta yang tidak berzakat tersebut) dengan kedua sudut mulutnya, lalu ular itu berkata, “Saya adalah hartamu, saya adalah simpananmu”.* (HR al-Bukhari no.4565)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Ibadah zakat harta merupakan kewajipan dan tanggungjawab ke atas setiap daripada kita. Bagi sesiapa yang sudah menunaikan kewajipan zakat harta, semoga terus diberikan kekuatan, keazaman dan keikhlasan agar terus istiqamah berzakat di masa akan datang. InsyaAllah, setiap harta yang anda zakatkan atau infakkan pasti diganti dengan sesuatu yang lebih baik oleh Allah SWT. Firman-Nya dalam surah as-Saba ayat 39:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَيَقْدِرُ لَهُ ۖ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara*

hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu infakkan (Zakat waqaf, dan sedekah) maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki".

Manakala bagi yang belum melaksanakan ibadah zakat harta, bersegeralah menyahut seruan tuntutan Islam ini. Jangan sesekali kita lalai dalam melaksanakan ibadah dan ketaatan kepada Allah SWT. Agar kita tidak lalai dalam menunaikan zakat, beberapa langkah boleh diambil:

Pertama : Buat pengiraan secara berkala

Ambil masa untuk mengira zakat harta anda setiap tahun. Ini termasuk wang tunai, emas, dan harta lain.

Kedua : Tentukan waktu pembayaran

Tetapkan satu tarikh setiap tahun untuk membayar zakat, agar ia menjadi satu amalan yang konsisten.

Ketiga : Didik diri dan keluarga

Galakkan ahli keluarga untuk memahami dan melaksanakan zakat sebagai satu tanggungjawab bersama.

Sempena Kempen Zakat akhir tahun 2024, Bahagian Zakat & Fitrah MUIS, mimbar jumaat menyeru kepada kita semua, agar menunaikan ibadah zakat harta di Bahagian Zakat & Fitrah (MUIS) yang merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan oleh pemerintah untuk memungut dan mengagihkan zakat di negeri Sabah. Pihak Bahagian Zakat & Fitrah MUIS ada menyediakan perkhidmatan perundingan, pentaksiran dan penerimaan bayaran zakat harta di mana-mana kaunter pungutan zakat di seluruh negeri Sabah. Untuk informasi yang lebih lanjut, sila kunjungi semua pejabat cawangan, media sosial rasmi BZF MUIS *Facebook* dan

TikTok ataupun Layari laman web BZF MUIS di apps.zakat.sabah.gov.my.

SIDANG JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah jumaat pada kali ini, marilah kita sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk menjadi orang yang bertakwa. Salah satu ciri orang yang bertakwa ialah takut kepada azab pedih yang dijanjikan oleh Allah kepada orang-orang yang melanggar perintah-Nya. Sesungguhnya, Allah tidak sesekali memungkiri janji. Firman Allah SWT dalam surah ali-'Imran ayat 194;

رَبَّنَا وَعَٰثِنَا مَا وَعَدْتَنَا عَلَىٰ رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ
الْمِيعَادَ ﴿١٩٤﴾

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Berikanlah kepada kami pahala yang telah Engkau janjikan kepada kami melalui Rasul-rasul-Mu, dan janganlah Engkau hinakan kami pada hari kiamat; Sesungguhnya Engkau tidak memungkiri janji”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi
barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan
Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.